

PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

Kod Pemilihan

Edisi 2024

FAM

PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

KOD PEMILIHAN

EDISI 2024

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I PENDAHULUAN

Artikel	1	Skop	4
Artikel	2	Prinsip, Tanggungjawab dan Hak-Hak Pihak	4

BAHAGIAN II. JAWATANKUASA PEMILIHAN

Artikel	3	Prinsip Asas	5
Artikel	4	Pelantikan	5
Artikel	5	Komposisi	5
Artikel	6	Tanggungjawab dan Bidang Kuasa	6
Artikel	7	Panggilan Jawatankuasa Pemilihan FAM dan Kuorum	7
Artikel	8	Keputusan	7

BAHAGIAN III. PENCALONAN

Artikel	9	Jawatan Yang Dipertandingkan Dan Kriteria	8
Artikel	10	Penyerahan Pencalonan	9
Artikel	11	Pemeriksaan Pencalonan	9
Artikel	12	Pengesahan Pencalonan	9
Artikel	13	Pengagihan Senarai Rasmi Yang Muktamad	10

BAHAGIAN IV. PROSEDUR MENGUNDI

Artikel	14	Tarikh Akhir Untuk Mengadakan Pemilihan	11
Artikel	15	Tugas Jawatankuasa Pemilihan FAM	11
Artikel	16	Kertas Undi	11
Artikel	17	Peti Undi	11
Artikel	18	Tempat Mengundi	12
Artikel	19	Undi	12

BAHAGIAN V. PENGIRAAN

Artikel	20	Pengiraan	13
Artikel	21	Kertas Undi Yang Tidak Sah	14
Artikel	22	Pengiraan Dan Pengisytiharan Keputusan	14
Artikel	23	Pengisytiharan Keputusan Akhir	15
Artikel	24	Prosedur Pengesahan	15

BAHAGIAN VI. PERUNTUKAN AKHIR

Artikel	25	Pelanggaran, Arkib Dokumen, Peninggalan	16
Artikel	26	Penguatkuasaan	16

BAHAGIAN I PENDAHULUAN

Artikel 1 Skop

Kod ini adalah terpakai kepada semua pemilihan Jawatankuasa Eksekutif FAM mengikut Artikel 31 Statut FAM.

Artikel 2 Prinsip, Tanggungjawab dan Hak-Hak Pihak

1. Prinsip-prinsip demokrasi pembahagian kuasa, ketelusan dan publisiti daripada proses pemilihan FAM mesti dipatuhi tanpa pengecualian.

2. Campur tangan pihak ketiga dalam apa jua bentuk dalam proses pemilihan atau komposisi badan pemilihan FAM adalah tidak dibenarkan. Oleh itu, mana-mana peraturan pihak ketiga pada pemilihan FAM adalah tidak terpakai. Kod Pemilihan FAM ini tidak memerlukan kelulusan mana-mana pihak ketiga. Selain itu, FAM hendaklah:

    a) Menerima pakai dan meluluskan Kod Pemilihan FAM ini mengikut peraturan-peraturan FIFA dan AFC yang berkaitan;

    b) Sekurang-kurangnya, Kod Pemilihan FAM serta apa-apa kod pemilihan daripada Ahli FAM hendaklah merangkumi elemen-elemen seperti yang berikut:

        i) bilangan ahli dan pemilihan, jika sesuai, Kongres atau Mesyuarat Agung;

        ii) tarikh akhir, keperluan, peraturan dan pengumuman senarai muktamad calon; dan

        iii) prosedur pengundian, kertas undi, tabung undi, tempat mengundi dan pengumuman keputusan, pengesahan prosedur dan rayuan.

3. FAM perlu memaklumkan kepada FIFA dan AFC:

    a) mengenai bermulanya pemilihan Jawatankuasa Eksekutif FAM;

    b) pengumuman pemilihan dan Kod Pemilihan ini;

    c) tempoh pemilihan dan mandat; dan

    d) mana-mana campur tangan pihak ketiga dalam proses pemilihan.

4. Jawatankuasa Eksekutif FAM semasa hendaklah menjalankan tugas mereka sehingga dibubarkan.

BAHAGIAN II. JAWATANKUASA PEMILIHAN

Artikel 3 Prinsip Asas

1. Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah mengurus dan menyelia pemilihan serta membuat semua keputusan yang berkaitan dengan pemilihan FAM.

2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah dilantik oleh Kongres FAM selepas dicadangkan oleh Jawatankuasa Eksekutif FAM.

Artikel 4 Pelantikan

Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah dilantik mengikut peruntukan Kod Pemilihan FAM ini oleh Kongres FAM selepas dicadangkan oleh Jawatankuasa Eksekutif FAM.

Artikel 5 Komposisi

1. Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah terdiri daripada tiga (3) hingga lima (5) orang ahli termasuklah Pengerusi.

2. Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah terdiri daripada;

   a) seorang Pengerusi; dan

   b) di antara dua (2) hingga empat (4) orang ahli jawatankuasa.

3. Setiausaha Agung FAM berkhidmat sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pemilihan FAM. Setiausaha Agung mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti jawatankuasa dalam kapasiti sebagai perunding, bertanggungjawab bagi perkara-perkara logistik yang berkaitan dan menjaga hal ehwal pentadbiran. Ketua Unit Undang-Undang FAM hendaklah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan FAM.

4. Sekiranya mana-mana anggota Jawatankuasa Pemilihan FAM:

   a) mengesahkan penerimaan pencalonan bagi jawatan yang dipertandingkan;

   b) adalah saudara, sama ada melalui kelahiran atau perkahwinan, kepada salah satu calon;

   c) mempunyai konflik kepentingan (contoh: hubungan perniagaan dengan calon); atau

   d) tidak dapat menjalankan tugas mereka,

   Pengerusi atau ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah meletakkan

jawatan daripada Jawatankuasa Pemilihan yang berkaitan. Mana-mana ahli yang meletakkan jawatan hendaklah digantikan oleh individu yang layak. Penggantian hendaklah dicadangkan oleh Jawatankuasa Eksekutif FAM dan dilantik oleh Kongres FAM bagi baki tempoh jawatan yang dikosongkan tersebut.

6. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah mengisytiharkan pencalonan mereka bagi jawatan yang dipertandingkan dalam apa-apa cara untuk membolehkan proses penggantian yang diterangkan di atas dapat dijalankan secara harmoni dan tanpa sebarang tekanan masa yang akan memudaratkan pemilihan FAM.

7. Jawatankuasa Pemilihan FAM boleh dibantu oleh ahli-ahli Sekretariat Agung pada bila-bila masa dengan syarat bahawa individu tersebut tidak menjadi calon untuk jawatan yang dipertandingkan atau mempunyai konflik kepentingan.

Artikel 6 Tanggungjawab dan Bidang Kuasa

1. Jawatankuasa Pemilihan FAM bertanggungjawab untuk tugas-tugas yang berkaitan dengan organisasi, perjalanan dan pengawasan yang berkaitan dengan pemilihan FAM. Secara khususnya, Jawatankuasa Pemilihan FAM adalah bertanggungjawab untuk:

   a) menguatkuasakan Statut, Arahan dan Peraturan FAM, AFC dan FIFA secara tegas;

   b) menguatkuasakan Kod Pemilihan FAM ini secara tegas;

   c) menguatkuasakan tarikh akhir berkanun bagi pemilihan secara tegas;

   d) mengedarkan maklumat kepada Ahli FAM dan juga kepada media serta orang awam;

   e) menguruskan hubungan dengan badan-badan kerajaan (jika perlu);

   f) tatacara pencalonan yang merangkumi penilaian, pengesahan, penolakan dan status calon;

   g) menguruskan agenda pemilihan semasa Kongres FAM;

   h) merangka senarai pengundi mengikut peruntukan statutori FAM;

   i) mengesahkan identiti pengundi;

   j) tatacara pengundian; dan

k) semua tugas-tugas yang perlu untuk memastikan kelancaran proses pemilihan FAM.

2. Perkara logistik hendaklah dikawal selia oleh FAM.

Artikel 7 Panggilan Jawatankuasa Pemilihan FAM dan Kuorum

1. Hanya jika ahli Jawatankuasa Pemilihan yang dipanggil secara sah oleh Pengerusinya berhak untuk membincang dan meluluskan keputusan.

2. Satu kuorum ditubuhkan mengikut majoriti mudah daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM.

Artikel 8 Keputusan

1. Semua keputusan Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah diluluskan secara undian melalui majoriti mudah. Jika undi terikat, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah mempunyai undi pemutus.

2. Keputusan hendaklah direkodkan dalam minit yang ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha (atau Timbalan Setiausaha) Jawatankuasa Pemilihan FAM.

BAHAGIAN III. PENCALONAN

Artikel 9 Jawatan Yang Dipertandingkan Dan Kriteria

1. Jawatankuasa Eksekutif FAM yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

   a) Presiden;

   b) Dua (2) Timbalan Presiden;

   c) Empat (4) Naib Presiden;

   d) Sepuluh (10) ahli, yang mana sekurang-kurangnya dua (2) daripada ahli tersebut adalah untuk wanita.

2. Setiap calon hendaklah mendapat jumlah pencalonan minimum dari Ahli mengikut Artikel 31 (6) Statut FAM seperti berikut:

a)	Presiden FAM	enam (6) pencalonan
b)	Timbalan Presiden FAM	lima (5) pencalonan
c)	Naib Presiden FAM	empat (4) pencalonan
d)	Ahli Jawatankuasa Eksekutif	dua (2) pencalonan

3. Sekiranya bilangan calon yang memenuhi Artikel 31 (6) Statut FAM adalah sama dengan bilangan kuota jawatan yang dipertandingkan, maka calon-calon berkenaan akan diisytiharkan sebagai menang tanpa bertanding. Pengisytiharan menang tanpa bertanding tersebut hendaklah dilaksanakan secara rasmi di dalam Kongres FAM.

4. Dalam situasi dimana kuota jawatan yang dipertandingkan tidak berjaya dipertandingkan sepenuhnya kesan daripada kegagalan calon-calon untuk memenuhi Artikel 31 (6) Statut FAM, maka:

   a) Calon yang berjaya mendapat bilangan pencalonan yang memenuhi Artikel 31 (6) Statut FAM akan diisytihar sebagai telah menang tanpa bertanding;

   b) Bagi calon-calon yang telah gagal untuk memenuhi Artikel 31(6) Statut FAM, calon-calon tersebut hendaklah diundi untuk mengisi baki kuota jawatan yang tidak berjaya dipertandingkan.

   c) Dalam situasi selain daripada yang diperuntukkan oleh Artikel 9 (4) (a) dan (b) di atas, Jawatankuasa Pemilihan akan mencadangkan kepada Kongres FAM untuk tindakan selanjutnya.

Artikel 10 Penyerahan Pencalonan

1. Pencalonan hendaklah diterima melalui pPos berdaftar, emel, atau serahan tangan kepada Sekretariat Agung FAM mengikut Artikel 31 (11) Statut FAM.

2. Hanya Ahli FAM boleh mencadangkan calon bagi Jawatankuasa Eksekutif FAM.

Artikel 11 Pemeriksaan Pencalonan

Pencalonan hendaklah diperiksa oleh Jawatankuasa Pemilihan FAM dalam tempoh selewat-lewatnya lima belas (15) hari dari tarikh akhir penyerahan borang, pencalonan.

Calon hendaklah tidak terikat dengan mana-mana peruntukan Artikel 10 Statut FAM.

Calon hendaklah diperiksa dan pemeriksaan integriti tersebut hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa Pemilihan FAM. Jawatankuasa Pemilihan FAM berhak meminta sokongan daripada pihak luar dan/atau Sekretariat Agung FAM untuk menjalankan pemeriksaan integriti.

Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah membuat keputusan mengenai kelayakan dan integriti calon serta memaklumkan dengan sewajarnya kepada calon.

Calon-calon hendaklah dimaklumkan mengenai keputusan Jawatankuasa Pemilihan FAM dalam tempoh lima belas (15) hari sebelum Kongres FAM.

Artikel 12 Pengesahan Pencalonan

Jawatankuasa Pemilihan akan memohon pengesahan daripada calon sama ada menerima pencalonan atau tidak dan jika bersetuju calon hendaklah mengemukakan persetujuan melalui borang yang disediakan oleh Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan dalam masa lima belas (15) hari sebelum Kongres bersama-sama surat akuan menyatakan bahawa calon adalah tidak tertakluk kepada Artikel 10 Statut FAM.

Sekiranya calon tidak bersetuju dengan pencalonan atau calon gagal untuk mengesahkan penerimaan pencalonan atau calon masih terikat dengan Artikel 10 Statut FAM, maka Jawatankuasa Pemilihan akan menggugurkan nama calon berkenaan daripada senarai pencalonan.

Calon yang telah menerima pencalonan masih berhak untuk menarik balik persetujuan untuk menerima pencalonan sehingga selewat-lewatnya sebelum bermulanya agenda pemilihan Kongres FAM. Pemakluman

hendaklah dibuat secara serahan tangan atau pos berdaftar kepada Jawatankuasa Pemilihan FAM.

Calon-calon yang menolak pencalonan atau menarik diri selepas menerima pencalonan hilang kelayakan untuk bertanding.

Artikel 13 Pengagihan Senarai Rasmi Yang Muktamad

Senarai rasmi muktamad calon hendaklah dihantar kepada semua Ahli FAM mengikut Artikel 31 (11) Statut FAM.

BAHAGIAN IV. PROSEDUR MENGUNDI

Artikel 14 Tarikh Akhir Untuk Mengadakan Pemilihan

1. Agenda pemilihan semasa Kongres FAM hendaklah diadakan mengikut peruntukan yang berkaitan dalam Statut FAM.
2. Pemakluman hendaklah dialamatkan kepada semua Ahli FAM mengikut peruntukan yang berkaitan dalam Statut FAM.

Artikel 15 Tugas Jawatankuasa Pemilihan FAM

1. Tugas Jawatankuasa Pemilihan FAM semasa agenda pemilihan adalah seperti berikut:
   a) Untuk memantau prosedur pengundian dengan menggunakan daftar pemilih yang telah disusun;
   b) Untuk mengira undi;
   c) Membuat apa-apa keputusan yang perlu mengenai kesahihan atau ketidaksahihan kertas undi;
   d) Secara umum, meluluskan keputusan muktamad mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan prosedur pengundian semasa pemilihan Kongres FAM; dan
   e) Untuk mengisytiharkan keputusan rasmi.

Artikel 16 Kertas Undi

1. Sekretariat Agung FAM hendaklah mengeluarkan kertas undi di bawah pengawasan dan penyeliaan Jawatankuasa Pemilihan FAM. Kertas undi hendaklah dicetak dengan jelas dan mudah dibaca.
2. Kertas undi hendaklah daripada warna yang berbeza untuk setiap jawatan yang dipertandingkan.

Artikel 17 Peti Undi

1. Sebelum permulaan proses pengundian, peti undi hendaklah dibuka dan dibentangkan kepada Ahli FAM. Peti undi tersebut hendaklah ditutup dan diletakkan dalam kedudukan yang boleh dilihat berhampiran dengan ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM.
2. Semasa proses pengundian, peti undi akan dipantau oleh ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM.

Artikel 18 Tempat Mengundi

Kawasan mengundi hendaklah ditempatkan berhampiran dengan peti undi supaya Ahli FAM yang layak untuk mengundi boleh melengkapkan kertas undi mereka secara individu.

Artikel 19 Undi

1. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah menjelaskan secara terperinci prosedur pengundian (kedudukan peti undi, kertas undi, kertas undi yang sah dan tidak sah, mengira, majoriti yang diperlukan, keputusan dan lain-lain) dan menyatakan mana-mana peruntukan yang berkaitan.
2. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah memanggil setiap perwakilan dari Ahli FAM yang mempunyai hak untuk mengundi dan menjemput mereka untuk bergerak ke hadapan dewan di mana pemilihan akan dilakukan.
3. Setelah dipanggil, Ahli FAM hendaklah bergerak ke hadapan dewan untuk mendaftar diri dan selepas itu, menerima kertas undi.
4. Ahli FAM kemudian hendaklah menyempurnakan kertas undinya di tempat mengundi.
5. Ahli FAM hendaklah memasukkan kertas undi ke dalam peti undi dan kemudian kembali ke tempat duduknya.

BAHAGIAN V. PENGIRAAN

Artikel 20 Pengiraan

1. Prosedur pengiraan bermula sebaik sahaja semua Ahli FAM yang mempunyai hak untuk mengundi telah memasukkan kertas undi mereka dalam peti undi. Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM akan membuka peti undi dan akan mengeluarkan semua kertas undi dan pengiraan undian akan bermula.

2. Hanya ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM, Setiausaha atau Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan FAM dan kakitangan Sekretariat Agung FAM yang dibenarkan oleh Pengerusi sahaja boleh mengambil bahagian dalam pengiraan undi. Segala proses (membuka peti undi, mengira kertas undi, mengira undi dan lain-lain) hendaklah dijalankan dengan cara yang boleh diikuti dengan jelas oleh Kongres FAM.

3. Bagi jawatan Presiden hendaklah dipilih seperti berikut:

   a) di mana terdapat dua (2) calon pada undian pertama, majoriti (lebih daripada 50%) daripada jumlah undi sah oleh perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi adalah perlu; dan

   b) di mana terdapat lebih daripada dua (2) calon pada undian pertama, dua pertiga (2/3) daripada undi perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi adalah perlu. Sekiranya tiada calon menerima dua pertiga (2/3) undi pada undian pertama, semua calon berpindah ke undian kedua. Dari undian kedua (jika diperlukan) dan seterusnya, majoriti (lebih daripada 50%) daripada jumlah undi sah oleh perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi adalah perlu. Sekiranya tiada calon dipilih, calon yang mendapat undian terendah hendaklah disingkirkan daripada undian berikutnya. Proses ini akan diteruskan (jika perlu) sehingga dua (2) calon yang tinggal dan majoriti (melebihi 50%) dicapai.

4. Jawatan-jawatan lain yang disenaraikan dalam Artikel 38 (1) (ii, iii dan iv) Statut FAM hendaklah dipilih seperti berikut:

   a) calon yang mendapat undian tertinggi iaitu majoriti mudah undi yang direkodkan adalah sah dalam pemilihan semasa Kongres tersebut;

   b) sekiranya calon yang mempunyai undi terbanyak menarik diri daripada dipilih, maka calon yang mencatatkan jumlah undian kedua tertinggi adalah sah untuk dipilih semasa Kongres tersebut;

c) jika dua (2) atau lebih calon memperoleh jumlah undi yang sama untuk memenuhi kuota Jawatankuasa Eksekutif, maka undian kedua perlu dijalankan khusus untuk calon tersebut sahaja;

d) dalam undian kedua, calon yang mendapat undian terendah akan disingkirkan daripada pemilihan; dan

e) sekiranya masih tiada keputusan majoriti, maka Kongres yang bersidang akan menentukan kaedah yang sesuai untuk pemilihan dan keputusan adalah muktamad.

Artikel 21 Kertas Undi Yang Tidak Sah

1. Berikut adalah kertas undi yang dianggap rosak:

   a) kertas undi yang mempunyai tanda yang tidak dikenalpasti, perkataan selain nama-nama calon termasuklah kertas undi selain daripada kertas undi rasmi yang dikeluarkan oleh FAM;

   b) kertas undi yang tidak boleh dibaca atau telah rosak;

   c) kertas undi yang mempunyai bilangan pangkahan yang kurang atau melebihi bilangan kuota jawatan; dan

   d) kertas undi yang mempunyai pangkahan di luar ruang pangkahan yang telah ditetapkan, tanda pangkahan dalam bentuk pangkahan yang tidak dibenarkan, termasuklah pembetulan pada pangkahan.

2. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan hendaklah menulis di mana-mana bahagian belakang kertas undi yang tidak sah sebab-sebab tidak sah dan mengesahkannya dengan tandatangan.

Artikel 22 Pengiraan Dan Pengisytiharan Keputusan

1. Setelah peti undi dibuka, ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah mengira bilangan kertas undi dan mengesahkan kesahihannya.

   a) Jika bilangan kertas undi adalah sama dengan bilangan kertas undi yang dikeluarkan, kertas undi adalah sah.

   b) Jika ia melebihi atau kurang daripada bilangan kertas undi yang dikeluarkan, undi itu hendaklah diisytiharkan tidak sah dan pengundian semula hendaklah dimulakan dengan segera mengikut prosedur yang dinyatakan di atas.

2. Selepas bilangan kertas undi telah disahkan, Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah meneruskan mengira bilangan undi bagi setiap undian yang

dibuat bagi setiap calon yang berbeza.

3. Sebaik sahaja kiraan itu selesai dan disahkan, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah secara rasmi mengisytiharkan keputusan kepada Kongres FAM.

4. Jika pusingan kedua (atau yang berikutnya) pengundian diperlukan selaras dengan Statut FAM, prosedur pengundian itu hendaklah diulangi dengan mengikut perkara-perkara di atas. Ahli FAM juga hendaklah dimaklumkan mengenai peruntukan Statut FAM yang memohon pusingan kedua (dan seterusnya) pengundian (contoh apa-apa perubahan kepada majoriti yang diperlukan, penghapusan calon, dan lain-lain).

Artikel 23 Pengisytiharan Keputusan Akhir

1. Selepas tamat pengiraan bagi jawatan yang dipertandingkan, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah mengisytiharkan keputusan akhir yang rasmi kepada Kongres FAM.

2. Minit mesyuarat rasmi Kongres FAM hendaklah dirangka dan diluluskan mengikut Statut FAM. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan FAM juga akan diminta untuk menandatangani minit mesyuarat rasmi bagi agenda pemilihan Kongres FAM.

3. Minit rasmi hendaklah diedarkan kepada Ahli FAM.

Artikel 24 Prosedur Pengesahan

Setiausaha kepada Jawatankuasa Pemilihan FAM, bersama-sama Sekretariat Agung FAM, adalah bertanggungjawab secara khusus untuk mengesahkan identiti pengundi dan memastikan pematuhan prosedur pengundian.

BAHAGIAN VI. PERUNTUKAN AKHIR

Artikel 25 Pelanggaran, Arkib Dokumen, Peninggalan

Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah menyerahkan semua dokumen-dokumen rasmi yang berkaitan dengan pemilihan ke Sekretariat Agung FAM, yang bertanggungjawab untuk mengemukakan kepada badan-badan yang berkaitan, jika perlu, dan untuk tujuan arkib.

Semua perkara yang berhubungan dengan pengendalian pemilihan yang tidak dilindungi dan dinyatakan dalam kod ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan FAM.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM hendaklah mematuhi kesaksamaan penuh ketika menjalankan tugas mereka.

Artikel 26 Penguatkuasaan

Kod Pemilihan FAM ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif FAM pada 7 Oktober 2024 dan mula berkuat kuasa serta-merta.

.....

DATUK NOOR AZMAN BIN HJ RAHMAN
Setiausaha Agung

.....

TAN SRI DATO' HAJI HAMIDIN BIN HAJI MOHD AMIN
Presiden

FOOTBALL ASSOCIATION OF MALAYSIA
Wisma FAM, Jalan SS5A/9
Kelana Jaya, 47301, Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel : 03-78733100 Fax : 03-78757984